

**BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN PELAJAR**  
***STUDENT FINANCIAL MANAGEMENT SECTION***

**Soalan 1 : Apakah jenis-jenis yuran yang perlu di bayar oleh pelajar bagi sesuatu program?**

***Question 1 : What are the types of fees chargeable for each programme?***

**Jawapan :** Jenis-jenis yuran yang perlu di bayar oleh pelajar adalah terdiri daripada yuran standard dan yuran pengajian mengikut program dan jam kredit yang didaftarkan. Bagi pelajar Ijazah Tinggi boleh melayari laman sesawang <http://ips.um.edu.my> dan <http://umisisweb.edu.my> bagi pelajar Ijazah Dasar.

***Answer :*** *There are two types of fees, namely, standard fees and tuition fees. Tuition fees are charged according to the number of credit hours registered for a particular semester. Please go to <http://ips.um.edu.my> (for Postgraduate Fees) and <http://umisisweb.edu.my> (for Undergraduate fees)*

**Soalan 2 : Bagaimana cara untuk menjelaskan yuran pengajian?**

***Question 2 : How can payment of fees be made?***

**Jawapan :** Pembayaran yuran boleh dilakukan menggunakan kaedah-kaedah berikut:-

- a) Kaunter Bank Islam (M) Berhad (BIMB) di mana-mana cawangan di Malaysia (*Catitkan nombor kad matrik dan nombor kad pengenalan/no passport di slip bayaran*)
- b) Perbankan Internet - CIMB atau Bank Islam (M) Berhad (Pemegang akaun sahaja). Sila layari laman sesawang berikut:
  - <http://www.cimbclicks.com.my>
  - <http://www.bankislam.biz>
- c) *Financial Process Exchange* (FPX) melalui laman sesawang <http://umisisweb.edu.my>
- d) Kad Kredit
  - *Kaunter – Tingkat 1 Jabatan Bendahari; atau*
  - <http://umisisweb.um.edu.my>

*Answer* : *Payments of fees can be made via the following methods:*

- a) At all Bank Islam (M) Berhad (BIMB) counters in Malaysia (Please ensure that your student matric no/ic number/passport number is written on the payment slip)
- b) Internet banking through CIMB or BIMB (For Account Holders) at the following websites
  - <http://www.cimbclicks.com.my>
  - <http://www.bankislam.biz>
- c) Financial Process Exchange (FPX) via <http://umisisweb.edu.my>
- d) Credit Card
- e) Counter at Student's Account Section
  - <http://umisisweb.edu.my>

**Soalan 3** : **Bagaimana cara untuk menyemak kadar yuran semasa atau yuran tertunggak?**

*Question 3* : *How do I check my current or outstanding fees?*

*Jawapan* : Pelajar boleh menyemak penyata akaun di laman sesawang <http://umisisweb.um.edu.my>

*Answer* : *Students can check their statement of account online at following website <http://umisisweb.edu.my>*

**Soalan 4** : **Bilakah bayaran yuran untuk setiap semester perlu dilakukan?**

*Question 4* : *When must payment of fees be made?*

*Jawapan* : Bagi pelajar Ijazah Tinggi - bayaran yuran perlu dibuat terlebih dahulu sebelum pendaftaran secara "online" dilakukan. Manakala bagi pelajar Ijazah Dasar, bayaran yuran boleh dilakukan setelah pengesahan pendaftaran dilakukan bagi setiap semester.

*Answer* : *For Postgraduate students all fees have to be settled before on-line registration can be made. For Undergraduate Students, fees can be paid after confirmation of registration*

**Soalan 5** : **Sekiranya saya adalah pelajar tajaan, bilakah pinjaman/biasiswa akan dikreditkan dalam akaun saya?**

*Question 5* : *When will payments be credited to a sponsored student's bank account?*

*Jawapan* : *Pelajar akan mendapat wang pinjaman/biasiswa sebaik sahaja penaja membuat bayaran kepada pihak Bendahari dan proses ini biasanya*

*akan memakan masa selama 2 minggu dari tarikh penerimaan dari penaja.*

*Answer : Students will get loans/scholarships as soon as the sponsors make payments to the Bursar' Office and the process will usually take about 2 weeks from the date of receipt from sponsors.*

**Soalan 6 :** Sekiranya pelajar telah mempunyai tajaan dan pada semester yang sama pelajar ditawarkan tajaan lain, bolehkah pelajar menerima tajaan tersebut tanpa menolak tajaan sedia ada?

*Question 6 : If the student already has a sponsor and during the same semester they are offered other sponsors, can they receive the sponsorship without rejecting the existing sponsorship?*

**Jawapan :** Pelajar hanya dibenarkan mempunyai satu penaja sahaja dalam satu masa yang sama, sama ada tajaan berbentuk biasiswa / pinjaman.

*Answer : Students are only allowed to have one sponsor at any one time whether in the form of scholarships or loans.*

**Soalan 7 :** Sekiranya pencalonan saya sebagai pelajar Ijazah Tinggi diluputkan, berapakah yuran dikenakan?

*Question 7 : If my candidacy as a postgraduate student is terminated, what amount of fees am I liable to pay?*

**Jawapan :** Pelajar yang telah diluputkan perlu membayar yuran berdasarkan bilangan semester calon tidak mendaftar ditambah denda luput berjumlah RM300.

*Answer : Students whose candidacies are terminated need to pay fees based on the number of semesters not registered plus a fine of RM300.*

**Soalan 8 :** Sekiranya saya menarik diri dari program, berapakah yuran yang akan dikembalikan?

*Question 8 : If I withdraw from a program, how much refund of fees will I be entitled to?*

**Jawapan :** a) Bagi pelajar Ijazah Tinggi - menarik diri dari program dalam tempoh tambah/gugur kursus semua yuran dikembalikan kecuali yuran pendaftaran (RM50.00/RM75.00) dan yuran perkhidmatan (RM100.00/150.00) – (Warga Malaysia/Bukan warga). Sekiranya menarik diri selepas tempoh tambah/gugur kursus hanya yuran

Graduasi (RM100.00/RM150.00) dan yuran Alumni (RM100.00/RM150.00) akan dikembalikan – (Warga Malaysia/Bukan Warga)

- b) Bagi pelajar Ijazah Dasar – Sekiranya menarik diri dalam tempoh yang dibenarkan iaitu sebelum akhir minggu kedua kuliah bagi mana-mana semester, tiada yuran dikenakan (kecuali yuran haluansiswa bagi menghadiri minggu tersebut). Sekiranya menarik diri selepas tempoh dibenarkan, jumlah yuran yang dikenakan kekal seperti dalam pendaftaran asal.

Answer : a) *Postgraduate students – If you withdraw from the program during the add/drop period, all fees will be refunded except the registration fee (RM50.00/RM75.00) and the service fees (RM100.00/150.00)-(Local/International). If withdraw after the add/drop period, only graduation fees (RM100.00/RM150.00) and Alumni Fees (RM100.00/RM150.00) will be refunded-(Local/International)*

- b) *Undergraduate Students - If you withdraw within the allowable period i.e. before the end of the second week of lectures for any given semester, no fees will be charge (except fees for orientation fees). If withdraw after the allowable period, the amount of the fees remain as in the original registration.*

Soalan 9 : Saya merupakan calon dari Fakulti Perubatan/Pergigian secara klinikal, perlukah saya mendaftar setiap semester?

Question : *I am a candidate from the Faculty of Medicine / Dentistry (clinical programme), do I need to register each semester?*

Jawapan : Calon program secara klinikal hanya perlu mendaftar setahun sekali, iaitu pada semester I setiap sesi.

Answer : *Candidates in clinical programs only need to register once a year, in the first semester of each session.*